

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
 JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
 MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya
[Tasek Gelugor]
TARIKH : 15 Mac 2018
SOALAN : 36

Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan setakat Januari 2018, berapakah jumlah kekurangan doktor pakar yang direkodkan serta apakah langkah proaktif Kerajaan dalam memastikan jumlah pakar perubatan yang meletak jawatan tidak meningkat setiap tahun berikutan jurang pendapatan yang jauh berbeza dengan sektor swasta.

Tuan Yang di- Pertua,

Berdasarkan rekod Kementerian Kesihatan Malaysia, bilangan Pegawai Perubatan Pakar yang meletakkan jawatan bagi tempoh 2015 hingga 31 Januari 2018 adalah seramai 502 orang. Secara keseluruhan, terdapat penurunan peratusan Pegawai Perubatan Pakar yang meletak jawatan bagi tempoh 2015 hingga 2017 iaitu masing-masing sebanyak 4.64% (2015), 3.5% (2016) dan 3.42% (2017).

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa mengambil langkah proaktif untuk mengelakkan masalah penghijrahan di kalangan Pegawai Perubatan Pakar ke sektor swasta. KKM juga sentiasa mempergiatkan usaha dalam merapatkan jurang pendapatan Pegawai Perubatan Pakar yang berkhidmat di sektor swasta dengan sektor awam. Antara langkah yang telah dilaksanakan untuk memastikan Pegawai Perubatan Pakar supaya terus kekal berkhidmat di hospital Kerajaan adalah seperti berikut:

- i. Pegawai Perubatan Pakar yang melakukan kes-kes Pembedahan pada hari cuti hujung minggu untuk mengurangkan masa menunggu bagi kes-kes pembedahan elektif akan diberi elaun sebanyak RM200 sejam;
- ii. Memperkenalkan *Full Paying Patient* (FPP) (dengan izin) di Hospital KKM di mana Pegawai Perubatan Pakar boleh menjana sumber pendapatan tambahan dengan menawarkan perkhidmatan kepada pesakit yang berkemampuan untuk membayar kos penuh perubatan di hospital yang melaksanakan FPP;

- iii. Kenaikan pangkat Pegawai Perubatan Pakar lebih cepat mengikut tempoh Pakar tersebut berkhidmat di KKM (*time based promotion*) (dengan izin) mulai 9 Mac 2010. Bagi kenaikan pangkat Pakar Perubatan, Pegawai Perubatan yang telah diwartakan sebagai Pakar dan telah berkhidmat selama 9 tahun, mereka boleh dipertimbangkan ke Gred UD54;
- iv. Menambahbaik peluang kenaikan pangkat Pakar Perubatan dengan mewujudkan Gred Pakar UD56. Antara kriteria yang perlu dipenuhi untuk kenaikan pangkat ini ialah pegawai telah diwartakan sebagai Pakar Perubatan dan berada atas Gred UD54 bagi tempoh tidak kurang daripada 5 tahun;
- v. Menambahbaik Bayaran Insentif Pakar daripada lingkungan RM1,400.00 hingga RM2,400.00 kepada lingkungan RM1,900 kepada RM3,100.00 mulai 1 Januari 2009. Peningkatannya adalah sebanyak RM500.00 hingga RM700.00;
- vi. Menambahbaik kadar bayaran Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa (*On-call*) (EKLWBB) (*Active Call*) (dengan izin) bagi Pegawai Perubatan Pakar iaitu RM230 pada hari bekerja dan RM250 pada hari cuti mingguan dan cuti am; dan
- vii. Memperkenalkan Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan/ Pergigian (BIPP) kepada Pegawai Perubatan Pakar yang bertugas di fasiliti kesihatan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan berkuat kuasa 1 Julai 2016. Kadar bayaran adalah dalam lingkungan RM500.00 hingga RM2,000.00 bagi kawasan bandar

dan lingkungan RM1,000.00 hingga RM2,500.00 bagi kawasan luar bandar.

67

SOALAN : 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 15 MAC 2018

RUJUKAN : 10582

SOALAN :

PR-1361-L04890

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik purata warganegara Malaysia dan asing yang menyeberangi Tambak Johor dan Jambatan Link Kedua setiap hari dari Johor Bahru ke Singapura, dari tahun 2010 ke 2017.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Secara purata, seramai 52,266 orang warganegara Malaysia dan 21,686 orang warganegara asing melalui Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dari Johor Bahru ke Singapura setiap hari dari tahun 2010 hingga 2017.

Bagi laluan Kompleks Sultan Abu Bakar (Jambatan Link Kedua) pula, secara purata seramai 17,262 orang warganegara Malaysia dan 7,892 orang warganegara asing melaluinya bagi tempoh yang sama.